

U B678 AAB  
KEMUNCAK - MAHATHIR R'R'R'

I

KUALA LUMPUR, 1 JUN (BERNAMA) -- PERSIDANGAN KEMUNCAK PERTAMA KUMPULAN 15 NEGARA MEMBANGUN (G-15) BERMULA DI SINI HARI INI DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA NEGARA-NEGARA SELATAN SUPAYA MENIMBA FAEDAH DARIPADA POTENSI EKONOMI YANG BESAR HASIL KERJASAMA EKONOMI DAN PENINGKATAN PERDAGANGAN DI ANTARA SATU SAMA LAIN.

BAGI MENCAPAI HASILNYA, PERDANA MENTERI MENYERU NEGARA-NEGARA MEMBANGUN DI SELATAN SUPAYA MERANGKA SEMULA PASARAN MEREKA YANG BESAR ITU, YANG KINI KEBANYAKANNYA HANYA BOLEH DIDAPATI OLEH NEGARA-NEGARA MAJU DI UTARA.

HAMPIR SEMUA NEGARA DI SELATAN TIDAK MENGETAHUI PELUANG BESAR PERDAGANGAN YANG TELAH DIGUNAKAN OLEH SEKTOR PERDAGANGAN DI UTARA, KATA PERDANA MENTERI DALAM UCAPANNYA YANG MERANGSANG PEMIKIRAN DAN MEMBENTUK CORAK PERBINCANGAN SEPANJANG PERSIDANGAN TIGA HARI ITU NANTI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA NEGARA-NEGARA SELATAN MEMBETULKAN SATU BIDANG PENTING BAGI KERJASAMA EKONOMI MEREKA -- KETIADAAN SEBARANG HUBUNGAN TERUS UDARA DI ANTARA SATU SAMA LAIN.

KETIKA MEMBERI PENEKANAN KEPADA PERKARA INI, BELIAU MEMBERITAHU KETUA-KETUA KERAJAAN DAN PERWAKILAN YANG MENGHADIRI UPACARA PERASMIAN DI BANGUNAN PARLIMEN: +BAGI BANYAK PERWAKILAN, KEDATANGAN MEREKA KE MALAYSIA INI BERMAKNA MEREKA TERPAKSA PERGI KE UTARA DAHULU -- SATU PERJALANAN YANG JAUH DAN MENELAN BELANJA YANG BESAR.+ -- LAGI.

1213MST 01 06 90

U B683 AAB  
KEMUNCAK - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR R R R

+SEMUA BENDA PERGI KE UTARA SEBELUM KE SELATAN, MENYEBABKAN PERTAMBAHAN KOS, KETIDAKCEKAPAN DAN KERUMITAN,+ KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA KEADAAN ITU MENGHALANG PERTUKARAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN KEBUDAYAAN DARIPADA BERKEMBANG.

NEGARA-NEGARA ANGGOTA G-15 IALAH ALGERIA, ARGENTINA, BRAZIL, MESIR, INDIA, INDONESIA, JAMAICA, MALAYSIA, MEXICO, NIGERIA, PERU, SENEGAL, VENEZUELA, YUGOSLAVIA DAN ZIMBABWE.

SEMBILAN DARIPADA NEGARA ANGGOTA G-15 DIWAKILI OLEH PRESIDEN ATAU PERDANA MENTERI MASING-MASING KE PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU MANAKALA YANG LAIN KEBANYAKANNYA OLEH MENTERI LUAR BAGI PIHAK KETUA-KETUA KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +LALUAN SELATAN+ ANTARA NEGARA-NEGARA SELATAN PERLU DIKAJI DAN DIMULAKAN MEMANDANGKAN KEPERLUANNYA BAGI PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN.

+IA PENTING DAN DENGAN SENDIRINYA MENGUNTUNGGAN. MARILAH KITA MELIHAT SEMUA POTENSI KOMUNIKASI KITA DAN MARILAH KITA MENGAMBIL RISIKONYA,+ KATANYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA SATU PERMULAAN PERLU DILAKUKAN DAN RISIKONYA DITANGGUNG OLEH MEREKA YANG MAMPU. -- LAGI.

1225MST 01 06 90

U B687 DEB  
KEMUNCAK - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

PADA PERMULAAN UCAPANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA G-15, YANG DITUBUHKAN SEMASA PERSIDANGAN KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI DI BELGRADE TAHUN LEPAS, BUKANLAH SEBAGAI SEBUAH KUMPULAN UNTUK MENENTANG KUMPULAN 7 NEGARA PERINDUSTRIAN DI UTARA.

+KITA TIDAK MELANTIK DIRI KITA SENDIRI SEBAGAI PENGANTARA DAN PENGGUBAL PERATURAN HAL EHWAL EKONOMI ATAU BERKOMPLOT MENENTANG UTARA.+

BELIAU MENERANGKAN BAHAWA G-15 SEBALIKNYA DITUBUHKAN BAGI MEMBOLEHKAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN BERSIDANG UNTUK BERBINCANG DAN Mencari penyelesaian terhadap masalah-masalah yang melanda selatan.

+SEBALIKNYA KITA BERSATU UNTUK BERUNDING, BERTUKAR-TUKAR PANDANGAN DAN MENEROKA POTENSI YANG ADA, YANG KEBANYAKANNYA MASIH BELUM DITEROKAI, BAGI KERJASAMA SELATAN-SELATAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA G-15 JUGA AKAN MERAPATKAN DIALOG DENGAN PIHAK UTARA KERANA KETIADAAN DIALOG SEUMPAMA ITU TELAH MENYEBABKAN JURANG EKONOMI ANTARA UTARA DAN SELATAN SEMAKIN LUAS SEJAK KEGAGALAN DIALOG PERTAMA UTARA-SELATAN. -- LAGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MENJADI Pengerusi persidangan itu, menyalahkan pihak utara terhadap kebanyakan masalah yang dialami oleh selatan; dengan menghujuh bahawa masalah-masalah itu tidak mungkin disebabkan oleh interaksi selatan-selatan kerana +kita tidak mempunyai banyak perhubungan antara satu sama lain.+

+JIKA ADA MASALAH SELATAN-SELATAN, IA ADALAH DI ANTARA JIRAN. DI SINI JUGA KITA SERING MELIHAT CAMPUR TANGAN UTARA,+ KATANYA, SAMBIL MEMBERIKAN SATU CONTOH, IAITU PERANG IRAN-IRAQ, YANG MENDAPAT BEKALAN SENJATA DARI SEBUAH NEGARA YANG SAMA.

KETIKA MENYENTUH MENGENAI HUTANG LUAR, BELIAU BERKATA MASALAH BESAR ITU BUKAN DISEBABKAN OLEH PIHAK SELATAN SENGAJA MAHU MEMINJAM DAN TIDAK MEMBAYAR BALIK.

BELIAU MENEGASKAN TENTANG PERLUNYA PEMBERI PINJAMAN BERSEDIA UNTUK MENERIMA RISIKO DAN MENGADAKAN SATU PENYELESAIAN YANG BOLEH DILAKSANAKAN DAN JIKA SEMUANYA GAGAL, MENERIMA KERUGIAN.

SAMA SEPERTI ADANYA PERUNTUKAN YANG BERTUJUAN MENGHAPUS KIRA PINJAMAN KOMERSIAL YANG TIDAK DAPAT DIJELASKAN, PARA PEMBERI PINJAMAN JUGA MESTI MENERIMA HAKIKAT KEPERLUAN MEMBUAT PENYELARASAN DAN MENGADAKAN SKIM APABILA HUTANG ANTARA KERAJAAN TIDAK DAPAT DIJELASKAN, TAMBAHNYA. -- LAGI.

1305MST 01 06 90

U B692 DEB

KEMUNCAK - MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR R R R

NEGARA TIDAK BOLEH DIJADIKAN MUFLIS SEPERTI YANG DILAKUKAN KE ATAS SYARIKAT-SYARIKAT ATAU INDIVIDU, KATANYA, DAN MENAMBAH KATA BAHAWA +ANDA TIDAK BOLEH MEMBERITAHU SESEORANG SUPAYA HIDUP PADA PARAS CUKUP MAKAN SAHAJA SEHINGGA MEREKA MEMBAYAR HUTANG-HUTANG MEREKA+.

+SESEORANG YANG MUFLIS BOLEH MATI, NEGARA TIDAK. KITA TIDAK BOLEH MEMPERHAMBAKAN NEGARA-NEGARA YANG MEMBUAT HUTANG,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MENGGESA NEGARA-NEGARA SELATAN SUPAYA MENERUSKAN DIALOG MEREKA DENGAN UTARA UNTUK MENGATASI MASALAH HUTANG MEREKA DAN SYARAT-SYARAT YANG MEMBERI KESAN KEPADA PERDAGANGAN.

SEMUA NEGARA SELATAN, KATANYA, MESTI MENGADAKAN PENDEKATAN BARU BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA MERAIH FAEDAH DARIPADA KEKAYAAN DI SELATAN.

MENGENAI PERSIDANGAN KEMUNCAK ITU, BELIAU BERKATA: +PERSIDANGAN INI AKAN GAGAL SEKIRANYA KITA DI SELATAN TIDAK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH TERSEBUT MENGIKUT KEMAMPUAN KITA+.

+KITA TIDAK BOLEH BERHARAP KEPADA ORANG LAIN UNTUK MENGATASI MASALAH KITA YANG BOLEH MERUGIKAN MEREKA. PALING TIDAK MEREKA AKAN HANYA MEMBANTU KITA BERDASARKAN KEPENTINGAN MEREKA+. -- BERNAMA

1322MST 01 06 90